

Perpaduan Melayu boleh gagal komunis — Hussein

Oleh RADZI ZAIN

KUALA LUMPUR 8 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn yakin selagi orang Melayu mengekalkan perpaduan sesama mereka selagi itulah komunis tidak akan dapat merampas negara ini.

Katanya: "Saya tidak mahu takbur, tetapi selagi orang Melayu bersatu-padu selagi itulah negara kita tidak akan dapat dirampas komunis".

Menurutnya dalam lawatannya ke Indonesia dan Singapura baru-baru ini banyak masa telah ditumpukan bagi membincangkan soal keselamatan negara ini selain dari Rantau Asia Tenggara.

Katanya, Presiden Suharto sendiri memandang berat terhadap keselamatan di Malaysia dan memberitahu "selagi orang-orang Melayu bersatu-padu selagi itu komunis tidak akan berjaya".

Bercakap kepada serombongan ahli-ahli UMNO dan PAS dari Bagan Datoh, Perak di kediamannya petang ini, Datuk Hussein juga menekankan betapa pentingnya perpaduan orang

Melayu bagi mengekalkan mereka sebagai pemegang teraju pemerintahan.

Perdana Menteri lalu mengingatkan rakyat di negeri ini supaya sentiasa berwaspada terhadap ancaman komunis yang sentiasa cuba sedaya-upaya untuk menumbangkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Terpedaya

Komunis sanggup menggunakan apa jua cara termasuk menggunakan kesucian Islam seperti menunalkan sembahyang, bertahlil, mencium Quran, bertaubat dan sebagainya bagi memenangi hati rakyat khasnya orang-orang Melayu.

"Saya ingin mengingatkan supaya jangan terpedaya dengan tipu helah ini dan sekiranya tertipu maka seluruh rakyat akan menerima kerana belang komunis hanya akan dapat dilihat di kemudian hari setelah mereka berjaya

menipu rakyat", tegasnya.

Bagalmanapun Datuk Hussein berkata, beliau bersyukur kerana kerjasama rapat orang-orang Melayu khasnya dan bukan Melayu amnya selama ini telah dapat menumpaskan usaha-usaha komunis dan banyak kejayaan diperolehi.

Datuk Hussein seterusnya mahu rakyat terutama ahli-ahli UMNO dan PAS supaya sentiasa tegur-menegur para pemimpin dari peringkat serendah-rendahnya hinggalah ke peringkat tinggi sekiranya didapati lalai dan melakukan kesilapan.

"Saya mahu saudara-saudari dari semua peringkat keanggotaan parti pemerintah tidak silu-silu menegur, memberi pandangan dan buah fikiran yang membina", ujar Datuk Hussein lagi.

Menurutnya, jika berlaku sebarang kelalalan atau kesilapan pelaksanaan dalam jentera kerajaan pihak yang paling menderita dan merasa pahit maungnya ialah orang-orang bawah dan di desa-desa yang miskin.